

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian tinjauan (*survey*) ini merupakan kajian inferensi dengan menggunakan data-data kuantitatif dan kualitatif yang dipungut melalui soal selidik dan temu bual. Data-data yang diperolehi daripada sampel rawak ini kemudiannya dianalisis dan dipersembahkan dengan statistik perihalan dan ujian signifikan. Keputusan ujian-ujian statistik seterusnya akan memberi kesimpulan terhadap ciri-ciri populasi yang dikaji.

#### **3.2 Responden Kajian**

Sampel kajian ini terdiri daripada mahasiswa tempatan Cina pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaya yang berkomunikasi dalam laman jaringan sosial dan (atau) mesej segera sekurang-kurangnya 7 jam seminggu.

Sampel rawak telah diambil dengan bilangan responden lelaki dan perempuan yang masing-masing terdiri daripada 50 orang. Menurut Dane (1990, dalam Chua, 2006:109), saiz sampel 100 orang untuk kajian tinjauan yang dijalankan ke atas subjek kajian dalam sebuah organisasi adalah mencukupi. Persampelan secara rawak digunakan untuk membolehkan setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk dipilih.

Target responden kajian ini ialah mahasiswa tempatan Cina yang berupaya berkomunikasi dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Disebabkan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib dalam bangku sekolah, maka mahasiswa tempatan sepatutnya dapat berkomunikasi dalam kedua-dua bahasa ini. Akan tetapi, bukan semua mahasiswa tempatan yang berbangsa Cina berupaya berkomunikasi dalam bahasa Cina kerana sebahagian daripada mereka tidak menerima pendidikan beraliran bahasa Cina sejak kecil atau dibesarkan dalam keluarga yang hanya berbahasa Inggeris. Ada juga bangsa Cina hanya berupaya bertutur dalam bahasa Cina tetapi tidak berupaya berkomunikasi secara bertulis dalam bahasa Cina.

Memandangkan kajian ini hanya memberi fokus kepada komunikasi bertulis dalam KBK, maka untuk menetralkan faktor-faktor atau pengaruh yang boleh mengganggu hubungan antara variabel tak bersandar (*independent variable*) dan variabel bersandar (*dependent variable*) dalam kajian ini, beberapa variabel kawalan (*control variable*) juga ditentukan sebelum persampelan. Di antaranya ialah:

- a. keupayaan responden berkomunikasi secara bertulis dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina;
- b. kebolehan responden menggunakan perisian input bahasa Cina (*Chinese input software*) untuk menaip tulisan Cina dalam komputer; dan
- c. Pemasangan perisian input bahasa Cina dalam komputer yang paling kerap digunakan oleh responden.

Berdasarkan variabel kawalan yang disenaraikan, hanya mahasiswa Cina tempatan pada peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Malaya yang dikenal pasti:

- a. menggunakan sekurang-kurangnya 7 jam seminggu untuk berkomunikasi dalam laman jaringan sosial dan (atau) mesej segera;
- b. berupaya berkomunikasi secara bertulis dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina;
- c. berupaya menggunakan perisian input bahasa Cina untuk menaip tulisan Cina dalam komputer; dan
- d. memasang perisian input bahasa Cina dalam komputer yang paling kerap digunakan

dipilih sebagai responden kajian. Langkah ini bertujuan untuk memastikan semua responden yang dipilih secara rawak ini adalah homogen (*homogenous*).

### **3.3 Tempat Kajian**

Kerja persampelan kajian ini dijalankan di 10 perpustakaan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, iaitu:

- a. Perpustakaan Utama;
- b. Perpustakaan Kejuruteraan;
- c. Perpustakaan Alam Bina;
- d. Perpustakaan Perubatan T.J. Danaraj;
- e. Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim;
- f. Perpustakaan Peringatan Za'ba;

- g. Perpustakaan Pengajian Asia Timur;
- h. Perpustakaan Ekonomi & Pentadbiran, Perniagaan & Perakaunan;
- i. Perpustakaan Bahasa dan Linguistik;
- j. Perpustakaan Pendidikan.

Perpustakaan dijadikan sebagai tempat persampelan disebabkan perpustakaan merupakan tempat pertembungan umum bagi mahasiswa di universiti. Dengan mengambil sampel di 10 perpustakaan, sampel kajian menjadi lebih menyeluruh.

Secara purata, setiap tempat kajian telah memilih 10 orang responden, di mana responden lelaki dan perempuan masing-masing 5 orang. Akan tetapi, Perpustakaan Pengajian Islam, Perpustakaan Pengajian India dan Perpustakaan Pengajian Melayu tidak dipilih sebagai tempat persampelan kerana mahasiswa Cina didapati jarang menjejak ke perpustakaan tersebut.

### **3.4 Kaedah Kajian**

Bahagian ini membincangkan sebab-sebab kaedah soal selidik dan temu bual dipilih untuk melakukan kajian ini. Reka bentuk kedua-dua kaedah kajian ini turut dihuraikan.

### **3.4.1 Soal Selidik**

Kajian tinjauan ini dilakukan untuk mengenal pasti bahasa yang biasa digunakan oleh mahasiswa Cina dalam KBK, maka satu saiz sampel yang besar dan berkesan amat diperlukan agar menghasilkan keputusan yang mewakili. Bagi tujuan memperoleh sampel yang bersaiz 100 dalam kajian ini, soal selidik dijadikan instrumen kajian yang utama kerana ia merupakan cara persampelan yang praktikal untuk mendapatkan sampel yang ramai jika dibandingkan dengan pemerhatian dan temu bual, malah soal selidik juga selalu dijadikan sebagai instrumen penting dalam kajian-kajian lepas (sebagai contoh, Chong & Wang, 2009 dan Wong, 2010) yang meninjau tentang pemilihan bahasa. Penghuraian tentang rekaan borang soal selidik kajian ini dibincangkan dalam Bahagian 3.5.

### **3.4.2 Temu Bual**

Temu bual bersemuka digunakan dalam kajian ini untuk memahami secara mendalam mengenai sebab-sebab responden memilih dan menggunakan bahasa tertentu dalam KBK, sedangkan data yang dipungut melalui soal selidik kebanyakan hanya memaparkan pola pemilihan bahasa yang dilakukan oleh responden. Tambahan pula, bukan semua data yang diinginkan dapat diperolehi secara berkesan melalui soal selidik, yakni data mengenai sebab-sebab responden tidak biasa memilih sesuatu bahasa tertentu dalam KBK. Dengan kata lain, data-data yang dikumpul melalui temu bual boleh memantapkan data-data yang dipungut daripada soal selidik.

Kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah jenis temu bual semi-struktur. Tiada sebarang soalan dibinakan sebelum sesi temu bual, sebaliknya pengkaji hanya menyediakan satu rangka ringkas mengenai maklumat yang ingin dipungut daripada responden. Dalam kata lain, semua soalan yang ditanya dalam sesi temu bual dibina secara spontan dengan berdasarkan jawapan yang diberi oleh responden dalam borang soal selidik. Contohnya, jika bahasa Inggeris merupakan bahasa yang paling kerap digunakan oleh seseorang responden, maka soalan spontan yang mungkin menanyakan responden tersebut ialah sebab beliau jarang atau tidak menggunakan bahasa lain, misalnya bahasa Melayu atau bahasa Cina dalam KBK. Dengan menjalani temu bual semi-struktur ini, satu gambaran yang lebih menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pola pemilihan bahasa dalam KBK dapat dilakarkan.

Temu bual dengan setiap responden dijalankan secara berasingan oleh pengkaji sendiri selepas responden tersebut menyiapkan borang soal selidik. Hanya 2 atau 3 soalan disoalkan dalam setiap temu bual. Bagi responden yang tidak berminat untuk ditemu bual, pengkaji tidak memaksa mereka. Semua maklum balas responden dicatatkan untuk memudahkan kerja analisis.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ialah borang soal selidik. Ia digunakan untuk memperoleh data kuantitatif. Soal selidik kajian ini dibina dengan merujuk kepada soal selidik yang digunakan dalam kajian lepas, termasuk David (1996),

Chong dan Wang (2009), Saidah Ismail (2009) dan Wong (2010). Seterusnya, soal selidik ini diubahsuaikan berdasarkan keperluan objektif kajian. Pengkaji juga mengadakan satu perbincangan yang tidak formal dengan tiga pengguna internet untuk mengetahui aktiviti mereka yang biasa dilakukan dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Maklumat yang diperolehi melalui perbincangan tersebut dijadikan sebagai satu rujukan bagi menentukan item-item yang perlu dipersoalkan dalam soal selidik.

Borang soal selidik kajian ini terbahagi kepada lima bahagian seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 1 (versi bahasa Cina) atau Lampiran 2 (versi terjemahan dalam bahasa Melayu). Rangka mengenai item-item yang disoalkan dalam setiap bahagian disenaraikan seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Rangka Mengenai Item-Item yang Disoalkan dalam Borang Soal Selidik

Bahagian		Item-Item yang Disoalkan dalam Bahagian Berkenaan
A	Maklumat Demografi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gender;</li> <li>▪ Program pengajian;</li> <li>▪ Tahun pengajian responden.</li> </ul>
B	Keadaan Melakukan KBK	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Jenis laman jaringan sosial yang biasa digunakan;</li> <li>▪ Jenis mesej segera yang biasa digunakan;</li> <li>▪ Masa purata dalam sehari yang digunakan dalam laman jaringan sosial dan (atau) mesej segera.</li> </ul>
C	Latar Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kepunyaan perisian input bahasa Cina dalam komputer yang paling kerap digunakan oleh responden;</li> <li>▪ Kebolehan responden menggunakan perisian input bahasa Cina (<i>Chinese input software</i>) untuk menaip aksara Cina dalam komputer;</li> <li>▪ Keputusan (gred) bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM);</li> <li>▪ Tahap penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina berdasarkan tanggapan responden sendiri dengan menggunakan skala Likert.</li> </ul>
D	Pemilihan Bahasa dalam KBK	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemilihan bahasa dalam laman jaringan sosial dan (atau) mesej segera dengan mangambil kira dua variabel bebas yang diuji, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li><b>I. Interlokutor yang terlibat:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Dikenali oleh responden dan menguasai bahasa Cina: sahabat berbangsa Cina, ibu bapa dan adik beradik.</li> <li>b. Dikenali oleh responden tetapi tidak menguasai bahasa Cina: sahabat berbangsa Melayu, India dan Cina yang tidak menguasai bahasa Cina.</li> </ol> </li> </ul> </li> </ul>



c. Tidak dikenali oleh responden atau bertembung pada kali pertama: kawan sahabat (*friend's friends*).

**II. Tujuan Komunikasi:**

	<b>Laman jaringan sosial</b>	<b>Mesej segera</b>
1	Memberi komentar pada status, foto atau pautan ( <i>link</i> ) yang diposkan oleh pihak ketiga.	--
2	Mengepos atau berkongsi pautan ( <i>share link</i> ): <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ muzik dan video;</li> <li>▪ artikel.</li> </ul>	--
3	Melabelkan foto sendiri.	--
4	Menulis mesej ringkas ( <i>personal message</i> ) tentang status sendiri.	--
5	Menulis atau mengepos tulisan-tulisan dalam kolum nota atau ruangan blog.	--
6	Bersembang ( <i>chatting</i> )	
7	Membincangkan hal-hal pembelajaran.	
8	Membincangkan isu-isu semasa.	

Secara rumusan, Bahagian A dibentuk untuk mendapatkan maklumat peribadi responden, di mana maklumat ini mungkin merupakan variabel yang mempengaruhi pemilihan bahasa, manakala Bahagian B dikemukakan untuk mengetahui keadaan melakukan KBK dalam kalangan responden.

Soalan yang ditanyakan dalam Bahagian C bertujuan untuk (i) memastikan responden mempunyai perisian input bahasa Cina dalam komputer dan berupaya menggunakannya untuk menaip aksara Cina; (ii) menentukan repertoir linguistik responden. Responden diminta untuk menilai tahap penguasaan dalam bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris berdasarkan tanggapan sendiri dengan berpandukan skala Likert yang mengandungi 6 skala, iaitu skala 1 hingga skala 6, di mana skala 6 bermaksud “paling baik dikuasai” (soalan 9). Demi memastikan tanggapan responden mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, maka responden juga diminta mengemukakan keputusan (gred) mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Inggeris dalam SPM (soalan 10).

Bahagian D pula bertumpu kepada pemilihan bahasa responden dalam laman jaringan sosial dan mesej segera. Responden disoalkan tentang bahasa yang paling kerap digunakan semasa (i) menulis mesej ringkas (*personal message*) tentang status sendiri; (ii) melabelkan foto yang diposkan sendiri; (iii) mengepos tulisan-tulisan pada ruangan nota; (iv) memberi komentar pada status, foto dan pautan yang diposkan oleh ibu bapa, adik beradik, kawan berbangsa Cina, Melayu, India dan kawan sahabat (*friend's friends*); (v) bersembang, membincangkan hal-hal pembelajaran dan isu-isu semasa dalam KBK.

Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden kajian dikemukakan dalam bahasa Cina. Ini boleh memastikan semua responden adalah bersifat homogen dan memenuhi syarat persampelan, iaitu selain menguasai bahasa Melayu dan bahasa

Inggeris, malah juga menguasai bahasa Cina dan berupaya berkomunikasi bertulis dalam bahasa Cina.

### **3.6 Prosedur Kajian**

Dalam bahagian ini, prosedur pemungutan data dalam kajian ini dihuraikan. Ia merangkumi huraian tentang kajian rintis dan pengumpulan data melalui instrumen soal selidik dan temu bual di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

#### **3.6.1 Kajian Rintis**

Sebelum menjalankan kajian sebenar, satu kajian rintis telah dilakukan pada 4 Januari 2011 di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya. Prosedur kajian rintis adalah berdasarkan rangka persampelan yang akan dilakukan dalam kajian sebenar, ia bertujuan untuk menilai kesesuaian reka bentuk kajian dan menguji kebolegunaan atau keberkesanan setiap item dalam soal selidik.

Seramai 10 orang mahasiswa berbangsa Cina (5 orang lelaki dan 5 orang perempuan) yang berhomogen dengan responden sebenar telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden. Semua responden kajian rintis berpendapat bahawa meminta mereka mengisi borang soal selidik dalam waktu membaca atau mengulang kaji pelajaran di perpustakaan tidak merupakan suatu gangguan yang besar bagi mereka. Tambahan pula, kerja persampelan disiapkan dalam tempoh 3 jam. Kelancaran proses persampelan

dalam kajian rintis telah meningkatkan keyakinan pengkaji untuk memilih perpustakaan sebagai tempat kajian bagi kajian sebenar.

Secara purata, semua responden kajian rintis masing-masing menggunakan masa 5 hingga 10 minit untuk menyiapkan soal selidik tersebut. Menurut 10 orang responden tersebut, item-item yang dikemukakan dalam borang soal selidik mudah difahami dan tidak menyukarkan mereka. Selain itu, permintaan untuk mengemukakan keputusan mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam SPM tidak dijadikan satu beban yang menyusahkan mereka semasa mengisi soal selidik tersebut.

Sementara itu, maklum balas yang diberikan oleh responden mengenai sebarang kekurangan dan kekeliruan yang timbul dalam borang soal selidik, misalnya kesalahan perkataan, arahan yang kurang jelas dan kekaburan maksud ayat juga diperbaiki berdasarkan cadangan yang diberikan oleh mereka.

Demi mengelakkan masalah pencemaran kajian rintis (*contamination of pilot study*), responden kajian rintis tidak akan dijadikan sebagai responden dalam kajian sebenar.

### 3.6.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data untuk kajian ini dilakukan melalui dua cara, iaitu soal selidik dan temu bual. Setelah borang soal selidik disahkan, kerja pengedaran dan pengumpulan borang soal selidik telah dilakukan terhadap 100 orang responden dalam jangka masa 5 hari di 10 tempat kajian seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Jadual Waktu Pengedaran dan Pengumpulan Soal Selidik di 10 Tempat Kajian

	Tarikh	Tempat kajian
1	21 Februari 2011	Perpustakaan Utama
2	21 & 22 Februari 2011	Perpustakaan Kejuruteraan
3	23 Februari 2011	Perpustakaan Alam Bina
4	23 Februari 2011	Perpustakaan Perubatan T.J. Danaraj
5	23 Februari 2011	Perpustakaan Undang-Undang Tan Sri Professor Ahmad Ibrahim
6	24 Februari 2011	Perpustakaan Peringatan Za'ba
7	24 Februari 2011	Perpustakaan Pengajian Asia Timur
8	24 Februari 2011	Perpustakaan Ekonomi & Pentadbiran, Perniagaan & Perakaunan
9	25 Februari 2011	Perpustakaan Bahasa dan Linguistik
10	25 Februari 2011	Perpustakaan Pendidikan

Seluruh proses pengumpulan data melalui soal selidik dilakukan satu demi satu dan ia dijalankan oleh pengkaji sendiri.

Walaupun soal selidik merupakan cara yang berkesan untuk memperoleh data yang banyak dalam masa yang singkat, akan tetapi kesahan data yang dikumpul melalui soal selidik selain bergantung kepada instrumen kajian yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, ia juga banyak bergantung kepada motivasi responden kajian untuk mengisi borang soal selidik.

Memandangkan persampelan dilakukan di perpustakaan, demi mengelakkan responden berasa terganggu semasa waktu membaca dan hanya menjawab soal selidik secara sesuka hati kerana tidak bersabar, maka sebelum mengedar borang soal selidik kepada bakal responden, pengkaji akan menyoal beliau sama ada berminat untuk menjadi responden kajian. Dengan ini, hanya target responden yang bersukarela dan dikenal pasti memenuhi syarat-syarat persampelan (seperti yang disenaraikan dalam Bahagian 3.2) akan dipilih dan diedarkan borang soal selidik supaya menjadi responden kajian.

Setelah diedarkan borang soal selidik, setiap responden diberitahu tentang segala butiran dan jawapan yang diberikannya adalah sulit. Ini boleh menyakinkan responden supaya memberi jawapan dengan jujur. Selain itu, setiap responden menjawab soalan soal selidik secara perseorangan dan diingatkan terlebih dahulu supaya menjawab mengikut pengalaman dan persepsi masing-masing. Masa menjawab tidak dihadkan supaya responden tidak menjawab secara tergesa-gesa. Langkah ini dapat menyenangkan hati responden supaya menghasilkan jawapan yang ikhlas kerana masa yang mencukupi telah diberikan. Penerangan juga pengkaji berikan sekiranya responden menghadapi sebarang

masalah dalam menjawab soal selidik. Ini boleh mengelakkan keralatan yang dibuat oleh responden atas sebab kesalahfahaman tentang item-item dalam soal selidik.

Sebelum menjalankan temu bual individu dengan setiap responden yang terdahulu menjawab soal selidik, pengkaji menganalisis secara sepintas lalu tentang maklum balas soal selidik yang diberi oleh responden tersebut. Langkah ini bertujuan mendapatkan satu gambaran umum tentang pola pemilihan bahasa dalam KBK pada setiap responden yang seterusnya membantukan pengkaji membina soalan secara spontan untuk menyoal responden berkenaan. Semua maklum balas yang diberikan oleh responden dalam sesi temu bual dicatatkan oleh pengkaji (rujuk Lampiran 3) untuk menjalankan penganalisan data.

### **3.7 Penganalisan Data**

Data kuantitatif yang diperolehi melalui soal selidik boleh memaparkan pola pemilihan bahasa responden dalam laman jaringan sosial dan mesej segera berdasarkan tujuan komunikasi dan interlocutor yang berlainan. Data-data ini diproses dengan menggunakan perisian statistik SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*) dan keputusan dijadualkan berdasarkan frekuensi dan peratusan.

Pola-pola pemilihan bahasa responden selanjutnya dijalankan ujian khi-kuasa dua untuk melihat perhubungannya dengan variabel bebas bagi menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam KBK. Variabel bebas yang diujikan

termasuk: (i) gender dan (ii) program pengajian. Sementara itu, analisis juga membandingkan sama ada pemilihan bahasa responden berdasarkan tujuan komunikasi dan interlocutor yang berlainan dalam KBK menunjukkan perbezaan.

Maklum balas para responden terhadap soalan-soalan terbuka yang disoal dalam sesi temu bual dilakukan analisis kualitatif deskriptif bagi memperolehi gambaran yang lebih menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa dalam KBK. Maklum balas yang diberikan oleh responden dihuraikan berdasarkan kepada faktor-faktor yang mendorongkan mereka lebih kerap atau jarang menggunakan sesuatu bahasa dalam KBK.